

# PENGGUNAAN KAEDAH *MY LITTLE CAR DIAGRAM* UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH MELAKAR GRAF GERAKAN LINEAR PELAJAR MATRIKULASI, KMNS

<sup>1</sup>Sitinorsham Shamsudin<sup>2</sup>Nurhusna Izzah Ismail

Unit Fizik, Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan

<sup>1</sup>siti\_norsham@kmns.matrik.edu.my,<sup>2</sup>nurhusna\_izzah@kmns.matrik.edu.my

## ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan kepada 20 orang pelajar –pelajar Program Satu Tahun Semester 1 Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan mengenai penguasaan pelajar dalam menyelesaikan masalah terhadap topik Kinematics Of Linear Motion bagi subtopik Linear Motion. Fokus kajian ini adalah mengenai aplikasi kaedah My Little Car Diagram untuk membantu pelajar memahami bagaimana untuk melakar graf sesaran - masa, halaju - masa dan pecutan - masa dengan baik dan betul dan mengaplikasikannya dalam menyelesaikan masalah berkaitan gerakan linear. Kajian ini dijalankan menggunakan Model Kajian Tindakan (John Elliot). Ujian sebelum intervensi dilakukan dan ujian selepas intervensi dilakukan telah dijalankan untuk membandingkan jumlah markah yang telah diperolehi oleh pelajar sebelum dan selepas kaedah ini dijalankan. Setelah kedua-dua ujian ini dijalankan, dapatan menunjukkan peningkatan pelajar mendapat A sebanyak 55.0% dalam ujian selepas intervensi dilakukan daripada 0% dalam ujian sebelum intervensi dilakukan dan peningkatan markah lulus kepada 87.50% dalam ujian selepas intervensi dilakukan daripada 7.5% dalam ujian sebelum intervensi dilakukan. Berdasarkan kepada data yang diperolehi, didapati kaedah My Little Car Diagram dapat membantu pelajar untuk melakar Graf Gerakan Linear yang terdiri daripada graf sesaran - masa, halaju - masa dan pecutan - masa dengan baik dan betul dan mengaplikasikannya dalam menyelesaikan masalah berkaitan gerakan linear. Data yang diperolehi telah membuktikan bahawa penggunaan kaedah My Little Car Diagram amat berkesan digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Fizik.*

**Kata kunci:** Pengajaran subtopik melakar Graf Gerakan Linear, Kaedah My Little Car Diagram, Model Kajian Tindakan (John Elliot).